

HeartSine® samaritan® PAD Trainer

manual pengguna



**SAM 350P
Trainer**



**SAM 360P
Trainer**



**SAM 500P
Trainer**

Jadual Kandungan

Pengenalan	3
Tentang HeartSine samaritan PAD Trainer	3
Cadangan latihan	3
CPR Advisor (HeartSine SAM 500P Trainer)	3
Kenali HeartSine Trainer anda	4
Susun atur HeartSine SAM 350P Trainer	4
Susun atur HeartSine SAM 360P Trainer	5
Susun atur HeartSine SAM 500P Trainer	6
Trainer-Pak	7
Alat kawalan jauh HeartSine SAM 350P Trainer	8
Alat kawalan jauh HeartSine SAM 360P Trainer	9
Alat kawalan jauh HeartSine SAM 500P Trainer	10
Menyediakan HeartSine Trainer anda	11
Menggunakan HeartSine Trainer anda	14
Pengajar	15
Pelajar	19
Senario latihan	22
Deskripsi senario latihan	22
Deskripsi mod	24
Menyelenggara HeartSine Trainer anda	26
Elektrod	26
Bateri	29
Pelupusan	30
Mengkonfigurasi HeartSine Trainer anda	31
Memasang HeartSine Trainer Configuration Tool	31
Mengkonfigurasi HeartSine Trainer anda	31
Mengkonfigurasi HeartSine Trainer Configuration Tool	40
Lampiran	
Lampiran A	
Pengakuan pematuhan	A-1
Lampiran B	
Penyata waranti terhad	B-1

Manual pengguna ini memberikan arahan tentang cara mengendalikan HeartSine samaritan PAD Trainer: model SAM 350P, SAM 360P dan SAM 500P.

Tentang HeartSine samaritan PAD Trainer

HeartSine samaritan PAD Trainer (juga dikenali sebagai HeartSine Trainer) merupakan peranti bukan perubatan yang bertujuan untuk digunakan bagi melatih penggerak balas kecemasan dalam penggunaan defibrilator luar automatik (AED) HeartSine samaritan PAD yang betul. Trainer ini direka untuk beroperasi mengikut garis panduan Majlis Resusitasi Eropah (ERC) dan Persatuan Jantung Amerika (AHA) yang terkini. HeartSine Trainer tidak mempunyai keupayaan terapi dan tidak boleh digunakan dalam situasi menyelamatkan nyawa sebenar.

Bagi pengenalan yang segera dan mudah, setiap HeartSine Trainer mempunyai permukaan emas manakala setiap AED HeartSine mempunyai permukaan biru laut/hitam.

Nota: Untuk mengelakkan kekeliruan semasa penyelamatan nyawa yang sebenar, jangan menyimpan atau meninggalkan HeartSine Trainer berhampiran dengan AED HeartSine

Jika garis panduan CPR berubah, perisian akan tersedia untuk menaik taraf HeartSine Trainer bagi mematuhi garis panduan yang dikemas kini. Dalam hal ini, sila hubungi Pengedar Sah anda atau HeartSine Technologies secara terus.

Apabila dihidupkan, HeartSine Trainer akan memainkan arahan suara yang boleh didengar dengan penunjuk visual yang disertakan. Sebagai pengajar, anda boleh mengawal HeartSine Trainer menggunakan alat kawalan jauh yang disertakan.

Anda mungkin perlu menggantikan beberapa aksesori dari semasa ke semasa. Bagi senarai aksesori gantian, sila lihat risalah Siri HeartSine Trainer atau hubungi Pengedar Sah anda.

Cadangan latihan

HeartSine mengesyorkan bahawa penjawab kecemasan yang mungkin menggunakan salah satu defibrilatornya harus dilatih dalam resusitasi kardiopulmonari (CPR) dengan penggunaan AED (CPR-D). HeartSine Trainer bertujuan untuk digunakan oleh penyedia latihan CPR-D yang diluluskan bagi tujuan ini.

CPR Advisor (HeartSine SAM 500P Trainer)

Ciri CPR Advisor yang hanya tersedia pada HeartSine samaritan PAD 500P, memberikan maklum balas kepada penyelamat tentang daya dan kadar CPR yang mereka berikan kepada pesakit. SAM 500P menggunakan ukuran kardiogram impedans untuk menganalisis daya dan kadar tekanan dan memberikan arahan kepada pelajar untuk "Tolak Lebih kuat", "Tolak Lebih laju" atau "Tolak Lebih perlahan", atau terus memberikan tekanan mengikut garis panduan resusitasi ERC/AHA ("Mampatan bagus"). SAM 500P menggunakan maklum balas audio dan visual untuk memberi arahan kepada penyelamat berkenaan daya dan kadar CPR.

Pengajar boleh meniru dan mengawal fungsi CPR Advisor menggunakan alat kawalan jauh. HeartSine SAM 500P Trainer pada awalnya akan menganggap mampatan yang betul sedang dilakukan dan memainkan arahan yang boleh didengar: "Mampatan bagus." Pengajar latihan harus memerhatikan CPR yang diberikan oleh para pelajar dan berdasarkan pemerhatian, tekan butang CPR Advisor yang bersesuaian.

Kenali HeartSine Trainer anda

Susun atur HeartSine SAM 350P Trainer

Port data

Alih keluar penutup biru dan palam masuk kabel data USB tersuai untuk memprogramkan HeartSine Trainer.

Pasangkan Ikon/Anak panah tindakan Pad

Pasangkan pad elektrod pada dada pesakit yang terdedah seperti yang dinyatakan apabila anak panah tindakan berkelip.

Butang rejantan

Tekan untuk mensimulasikan penyampaian kejutan terapeutik.

Jangan Sentuh Ikon/Anak panah tindakan

Jangan sentuh pesakit semasa anak panah tindakan di atas ikon ini sedang berkelip. Ini mensimulasikan cara SAM 350P menganalisis degupan jantung pesakit atau bakal mengecas dalam persediaan menghantar kejutan.

Butang On (Hidup)/Off (Mati)

Tekan untuk menghidupkan atau mematikan HeartSine Trainer.

Tab hijau

Tarik tab ini untuk melepaskan pad elektrod.




Port kuasa

Pasang kabel kuasa untuk mengecas bateri HeartSine Trainer.

LED status pengecasan bateri

Merah berkelip untuk menunjukkan bateri sedang dicas.



Penunjuk status

HeartSine Trainer bersedia untuk digunakan apabila penunjuk ini berkelip hijau semasa dihidupkan. Jika merah berkelip, cas HeartSine Trainer tersebut.

Ikon Selamat untuk Disentuh/Anak panah tindakan

Anda boleh menyentuh pesakit semasa anak panah tindakan ini berkelip.

Pembesar Suara

Dengar metronom dan arahan lisan.

Trainer-Pak

Mengandungi pad elektrod.

Susun atur HeartSine SAM 360P Trainer

Port data

Alih keluar penutup biru dan palam masuk kabel data USB tersuai untuk memprogramkan HeartSine Trainer.

Pasangkan Ikon/Anak panah tindakan Pad

Pasangkan pad elektrod pada dada pesakit yang terdedah seperti yang dinyatakan apabila anak panah tindakan berkelip.

Penunjuk kejutan

Berkelip untuk memsimulasikan penghantaran kejutan automatik.

Jangan Sentuh Ikon/ Anak panah tindakan

Jangan sentuh pesakit semasa anak panah tindakan di atas ikon ini sedang berkelip. Ini mensimulasikan cara SAM 360P menganalisis degupan jantung pesakit atau bakal mengecap dalam persediaan menghantar kejutan.

Butang On (Hidup)/Off (Mati)

Tekan untuk menghidupkan atau mematikan HeartSine Trainer.

Tab hijau

Tarik tab ini untuk melepaskan pad elektrod.




Port kuasa

Pasang kabel kuasa untuk mengecap bateri HeartSine Trainer.

LED status pengecasan bateri

Merah berkelip untuk menunjukkan bateri sedang dicas.



Penunjuk status

HeartSine Trainer bersedia untuk digunakan apabila penunjuk ini berkelip hijau semasa dihidupkan. Jika merah berkelip, cas HeartSine Trainer tersebut.

Ikon Selamat untuk Disentuh/Anak panah tindakan

Anda boleh menyentuh pesakit semasa anak panah tindakan ini berkelip.

Pembesar Suara

Dengar metronom dan arahan lisan.

Trainer-Pak

Mengandungi pad elektrod.

Susun atur HeartSine SAM 500P Trainer

Port data

Alih keluar penutup biru dan palam masuk kabel data USB tersuai untuk memprogramkan HeartSine Trainer.

Pasangkan Ikon/Anak panah tindakan Pad

Pasangkan pad elektrod pada dada pesakit yang terdedah seperti yang dinyatakan apabila anak panah tindakan berkelip.

Butang rejatan

Tekan untuk mensimulasikan penyampaian kejutan terapeutik.

Penunjuk CPR Advisor

Memberikan maklum balas visual mengenai kadar dan kuasa mampatan dada semasa CPR.

Jangan Sentuh Ikon/ Anak panah tindakan

Jangan sentuh pesakit semasa anak panah tindakan di atas ikon ini sedang berkelip. Ini mensimulasikan cara SAM 500P menganalisis degupan jantung pesakit atau bakal mengecap dalam persediaan menghantar kejutan.

Tab hijau

Tarik tab ini untuk melepaskan pad elektrod.



Port kuasa

Pasang kabel kuasa untuk mengecap bateri HeartSine Trainer.

LED status pengecasan bateri

Merah berkelip untuk menunjukkan bateri sedang dicas.

Penunjuk status

HeartSine Trainer bersedia untuk digunakan apabila penunjuk ini apabila penunjuk ini berkelip hijau semasa dihidupkan. Jika merah berkelip, cas HeartSine Trainer tersebut.

Ikon Selamat untuk Disentuh/Anak panah tindakan

Anda boleh menyentuh pesakit semasa anak panah tindakan ini berkelip.

Butang On (Hidup)/Off (Mati)


Tekan untuk menghidupkan atau mematikan HeartSine Trainer.

Pembesar Suara

Dengar metronom dan arahan lisan.


Trainer-Pak

Mengandungi pad elektrod.



Trainer-Pak

Setiap HeartSine Trainer didatangkan dengan Trainer-Pak yang siap dipasang dan dua pasang pad elektrod latihan tambahan. Trainer-Pak termasuk sepasang pad elektrod latihan, yang boleh digantikan selepas berbilang penggunaan. Lihat Gantikan pad elektrod pada halaman 28.




Nota: Anda patut memastikan Trainer-Pak telah dipasang sebelum menggunakan HeartSine Trainer

Anda tidak perlu mengalih keluar Trainer-Pak untuk menggunakan atau menyelenggara HeartSine Trainer. Jika ada keperluan untuk mengalih keluar dan/atau memasang Trainer-Pak, ikuti langkah ini.


Alih keluar Trainer-Pak

- Letakkan HeartSine Trainer menghadap ke atas di atas meja atau permukaan rata yang lain
- Picit tab pada setiap sisi Trainer-Pak
- Tarik untuk menanggalkan Trainer-Pak daripada AED; Trainer-Pak akan menggelongsor ke hadapan



Pasangkan Trainer-Pak

- Letakkan HeartSine Trainer menghadap ke atas di atas permukaan rata
- Leretkan Trainer-Pak ke dalam HeartSine Trainer sehingga anda mendengar bunyi “klik dua kali” yang menandakan tab pada belah kanan dan kiri Trainer-Pak dikunci sepenuhnya



Alat kawalan jauh HeartSine SAM 350P Trainer

Kawalan kelantangan

Tekan + untuk meningkatkan kelantangan dan - untuk mengurangkan kelantangan. (Empat tetapan kelantangan tersedia: rendah, sederhana, kuat dan maksimum.)

Butang Jeda/Mainkan


Tekan sekali untuk menjeda dan tekan sekali lagi untuk menyambung semula senario latihan.

Butang Tiada Kejutkan Diperlukan

Tekan untuk membatalkan senario latihan yang dipilih dan mensimulasikan ritma tanpa kejutan. Setiap tempoh analisis seterusnya akan menasihati agar tiada kejutan diberikan sehingga sama ada HeartSine Trainer dimatikan atau anda menekan butang Kejutan Diperlukan.

Butang Senario Latihan (1-6)

Tekan butang bernombor untuk bertukar kepada senario latihan tersebut. Senario latihan yang dipilih akan terus dimainkan sehingga senario latihan lain dipilih. (HeartSine Trainer dilengkapi dengan enam senario latihan yang telah diprogramkan lebih awal. Lihat Senario Latihan.)



Butang Mati

Tekan untuk mematikan HeartSine Trainer.

Penunjuk bateri kurang

Berkelip merah dua kali selepas butang ditekan untuk menunjukkan dua bateri AAA perlu digantikan.

Butang Kejutan Diperlukan

Tekan untuk membatalkan senario latihan yang dipilih dan mensimulasikan ritma dengan kejutan. Setiap tempoh analisis seterusnya akan menasihati agar kejutan diberikan sehingga sama ada HeartSine Trainer dimatikan atau anda menekan butang Tiada Kejutan Diperlukan.

Butang Pasangkan Pad Elektrod

Tekan untuk memainkan arahan "Periksa pad" yang menandakan pelajar harus memeriksa bahawa pad diletakkan dengan betul. HeartSine Trainer akan terus memainkan arahan sehinggalah anda menekan butang Pasangkan Pad Elektrod sekali lagi.

Alat kawalan jauh HeartSine SAM 360P Trainer

Kawalan kelantangan

Tekan + untuk meningkatkan kelantangan dan - untuk mengurangkan kelantangan. (Empat tetapan kelantangan tersedia: rendah, sederhana, kuat dan maksimum.)

Butang Jeda/Mainkan


Tekan sekali untuk menjeda dan tekan sekali lagi untuk menyambung semula senario latihan.

Butang Tiada Kejutan Diperlukan

Tekan untuk membatalkan senario latihan yang dipilih dan mensimulasikan ritma tanpa kejutan. Setiap tempoh analisis seterusnya akan menasihati agar tiada kejutan diberikan sehingga sama ada HeartSine Trainer dimatikan atau anda menekan butang Kejutan Diperlukan.

Butang Senario Latihan (1-6)

Tekan butang bernombor untuk bertukar kepada senario latihan tersebut. Senario latihan yang dipilih akan terus dimainkan sehingga senario latihan lain dipilih. (HeartSine Trainer dilengkapi dengan enam senario latihan yang telah diprogramkan lebih awal. Lihat Senario Latihan.)



Butang Mati

Tekan untuk mematikan HeartSine Trainer.

Penunjuk bateri kurang

Berkelip merah dua kali selepas butang ditekan untuk menunjukkan dua bateri AAA perlu digantikan.

Butang Kejutan Diperlukan

Tekan untuk membatalkan senario latihan yang dipilih dan mensimulasikan ritma dengan kejutan. Setiap tempoh analisis seterusnya akan menasihati agar kejutan diberikan sehingga sama ada HeartSine Trainer dimatikan atau anda menekan butang Tiada Kejutan Diperlukan.

Butang Pasangkan Pad Elektrod

Tekan untuk memainkan arahan "Periksa pad" yang menandakan pelajar harus memeriksa bahawa pad diletakkan dengan betul. HeartSine Trainer akan terus memainkan arahan sehinggalah anda menekan butang Pasang Pad Elektrod sekali lagi.

Alat kawalan jauh HeartSine SAM 500P Trainer dengan butang CPR Advisor

Nota: Lihat halaman sebelumnya untuk huraian semua butang yang lain

Butang kawalan kadar


Jika mampatan pelajar terlalu cepat, tekan + untuk memainkan arahan "Tolak Lebih perlahan."

Jika kadar mampatan pelajar berada dalam julat yang betul, tekan butang Ibu Jari Ke Atas untuk memainkan arahan "Mampatan bagus."

Jika mampatan pelajar terlalu perlahan, tekan - untuk memainkan arahan "Tolak Lebih laju."

Nota:

- Gesaan "Mampatan bagus" akan dimainkan pada awalnya dan akan berterusan sehingga anda menekan butang Tiada Mampatan atau butang + atau -
- Jika anda menekan butang + atau - Kadar, anda mestilah menekan butang Ibu Jari Ke Atas Kadar sebelum menekan butang Ibu Jari Ke Atas Daya dan sebaliknya untuk memainkan "Mampatan bagus"



Butang Tiada Mampatan

Jika pelajar tidak melakukan mampatan apabila digesa, tekan butang ini untuk memainkan arahan "Mulakan CPR" dan tukar penunjuk CPR Advisor agar menyala merah.

Butang kawalan daya


Jika daya mampatan pelajar berada dalam julat yang betul, tekan butang Ibu Jari Ke Atas ini untuk memainkan arahan "Mampatan bagus" dan tukar penunjuk CPR Advisor agar menyala hijau.

Jika mampatan pelajar tidak cukup kuat, tekan - untuk memainkan arahan "Tolak Lebih kuat" dan tukar penunjuk CPR Advisor agar menyala kuning.


1. Buka bungkusan HeartSine Trainer anda

Kandungan merangkumi:


HeartSine samaritan PAD Trainer dengan Trainer-Pak dan beg bimbit




Dua pasang elektrod latihan tambahan




Pengecas bateri



Alat kawalan jauh dengan dua bateri AAA




Manual pengguna



Sediakan HeartSine Trainer anda


2. Palamkan pengecas bateri ke dalam port kuasa. (Apabila dihantar, HeartSine Trainer hanya dicas separuh, maka anda perlu mengecbas bateri sepenuhnya.)

Nota: Jika HeartSine Trainer tidak dicas dengan secukupnya, maka ia tidak akan berfungsi dengan betul. Jika kuasa bateri kurang, penunjuk status akan menyala merah untuk menandakan pengecasan diperlukan apabila HeartSine Trainer dihidupkan. Jika kuasa bateri habis sepenuhnya, peranti tidak akan dihidupkan. Untuk arahan pengecasan penuh, lihat bahagian Bateri dalam manual ini




3. Letakkan dua bateri AAA yang dibekalkan dengan HeartSine Trainer anda ke dalam bahagian belakang alat kawalan jauh.

Nota: Jangan tekan mana-mana butang semasa memasukkan bateri ke dalam alat kawalan jauh kerana perbuatan ini akan menetapkan semula ID alat kawalan jauh




4. Tekan butang Hidup/Mati pada HeartSine Trainer untuk menghidupkannya.

- Dengar arahan suara untuk memastikan HeartSine Trainer berfungsi dengan betul




Sediakan HeartSine Trainer anda

5. Sahkan bahawa penunjuk status berwarna hijau berkelip, menunjukkan HeartSine Trainer sedia untuk digunakan.




6. Tekan butang Hidup/Mati atau tekan butang Mati pada alat kawalan jauh untuk mematikan HeartSine Trainer.



7. Simpan HeartSine Trainer anda dalam beg bimbit apabila ia tidak digunakan.

- Letakkan alat kawalan jauh, pengecas bateri, pad elektrod gantian dan manual pengguna ke dalam petak berzip pada bahagian belakang beg bimbit



Gunakan HeartSine Trainer anda

HeartSine Trainer membolehkan latihan tentang penggunaan AED HeartSine samaritan, yang direka untuk beroperasi mengikut garis panduan Majlis Resusitasi Eropah (ERC) dan Persatuan Jantung Amerika (AHA).




Terdapat enam senario latihan yang dipra-program tersedia pada setiap HeartSine Trainer. Langkah-langkah bagi setiap senario latihan disediakan dalam bahagian ini. Sebagai pengajar, anda boleh menggunakan alat kawalan jauh untuk mengawal senario secara manual; pada bila-bila masa anda boleh membatalkan senario latihan dengan menekan butang Kejutan Diperlukan, Tiada Kejutan Diperlukan dan/atau Pasang Pad Elektronik. Bagi HeartSine SAM 500P Trainer, anda juga boleh menggunakan alat kawalan jauh untuk memberikan maklum balas CPR Advisor tentang daya dan kadar mampatan pelajar.

Lihat Senario latihan pada halaman 22 untuk penerangan bagi setiap senario latihan.

Nota:


- Secara lalai, HeartSine Trainer akan berfungsi dalam senario latihan 1 sehinggalah tetapan lalai berubah menggunakan HeartSine Trainer Configuration Tool atau senario latihan yang berbeza dipilih pada alat kawalan jauh. Jika senario yang berbeza dipilih menggunakan alat kawalan jauh atau HeartSine Trainer Configuration Tool, senario latihan yang digunakan sebelum ini akan dimainkan setiap kali HeartSine Trainer dihidupkan
- HeartSine Trainer akan dimatikan secara automatik selepas lima belas minit jika peranti tersebut tidak digunakan

Pengajar

<p>1. Tekan butang Hidup/Mati untuk menghidupkan HeartSine Trainer.</p>	
<p>2. Daripada alat kawalan jauh, tekan butang senario latihan (1-6) untuk memilih senario latihan. (Lihat Senario latihan untuk penerangan bagi setiap senario.)</p>	
<p>3. Jika anda sudah memilih senario latihan 1, 2, 5 atau 6, tekan butang Pasang Pad Elektrod untuk meneruskan.</p> <p>ATAU</p> <p>Jika anda memilih senario latihan 3, tekan butang Pasang Pad Elektrod untuk meneruskan selepas anda mendengar arahan terakhir dalam mod pengawasan ("Menganalis, jangan sentuh pesakit").</p>	

Pengajar

4. Semasa mana-mana senario latihan, tekan mana-mana butang ini untuk menukar arahan yang disediakan:
- Tekan butang Tiada Kejutatan Diperlukan untuk membatalkan senario latihan yang dipilih dan mensimulasikan ritma tanpa kejutan. (Setiap tempoh analisis seterusnya akan memberitahu tiada kejutan diberikan sehingga sama ada HeartSine Trainer dimatikan atau anda menekan butang Kejutan Diperlukan)
 - Tekan butang Kejutan Diperlukan untuk membatalkan senario latihan yang dipilih dan mensimulasikan ritma dengan kejutan. (Setiap tempoh analisis seterusnya akan menasihati agar kejutan diberikan sehingga sama ada HeartSine Trainer dimatikan atau anda menekan butang Tiada Kejutan Diperlukan)
 - Tekan butang bernombor untuk bertukar kepada senario latihan tersebut. (Senario latihan yang dipilih akan terus dimainkan sehingga senario latihan lain dipilih)
 - Tekan butang Pasang Pad Elektrod untuk memainkan arahan "Periksa pad" yang menandakan pelajar harus memeriksa bahawa pad diletakkan dengan betul. (HeartSine Trainer akan terus memainkan arahan sehinggalah anda menekan butang Pasang Pad Elektrod sekali lagi)




Pengajar

5. Sementara pelajar melakukan CPR, tekan mana-mana butang ini untuk memainkan arahan CPR Advisor (**HeartSine SAM 500P Trainer sahaja**):

- Jika pelajar tidak melakukan mampatan apabila diarahkan, tekan butang Tiada Mampatan untuk memainkan arahan “Mulakan CPR” dan tukar penunjuk CPR Advisor agar menyala merah
- Jika pelajar melakukan mampatan selepas diarahkan untuk menghentikan mampatan, tekan butang Tiada Mampatan kali kedua untuk memainkan arahan “Hentikan CPR”
- Jika mampatan pelajar terlalu cepat, tekan butang + Kadar untuk memainkan arahan “Tolak Lebih perlahan”
- Jika mampatan pelajar terlalu perlahan, tekan butang - Kadar untuk memainkan arahan “Tolak Lebih laju”
- Jika kadar mampatan pelajar berada dalam julat yang betul, tekan butang Ibu Jari Ke Atas untuk memainkan arahan “Mampatan bagus”
- Jika daya mampatan pelajar tidak cukup kuat, tekan butang - Daya untuk memainkan arahan “Tolak Lebih kuat” dan tukar penunjuk CPR Advisor agar menyala kuning
- Jika daya mampatan pelajar berada dalam julat yang betul, tekan butang Ibu Jari Ke Atas ini untuk memainkan arahan “Mampatan bagus” dan tukar penunjuk CPR Advisor agar menyala hijau

Nota:

- Gesaan “Mampatan bagus” akan dimainkan pada awalnya dan akan berterusan sehingga anda menekan butang Tiada Mampatan atau butang + atau -
- Jika anda menekan butang + atau - Kadar, anda mestilah menekan butang Ibu Jari Ke Atas Kadar sebelum menekan butang Ibu Jari Ke Atas Daya dan sebaliknya untuk memainkan “Mampatan bagus”





Pengajar

6. Pada bila-bila masa, tekan butang Jeda/Mainkan untuk menjeda atau memainkan senario latihan. (Tekan sekali untuk menjeda dan tekan sekali lagi untuk menyambung semula senario latihan.)




7. Tekan butang Mati pada alat kawalan jauh atau butang Hidup/Mati untuk mematikan HeartSine Trainer.




Pelajar



1. Letakkan HeartSine Trainer di atas lantai di sebelah anda, tekan butang Hidup/Mati dan ikuti arahan.



2. Tarik tab hijau untuk menanggalkan dulang elektrod daripada HeartSine Trainer.




3. Tanggalkan pad daripada Trainer-Pak dan memanjangkan wayar sepenuhnya.



Pelajar


4. Tanggalkan pad pertama.

- Dengan satu ibu jari pada liner dan satu lagi ibu jari pada pad, tanggalkan pad pertama daripada liner plastik




5. Letakkan pad pertama.

- Letakkan pad pertama seperti yang ditunjukkan dalam gambar





6. Tanggalkan pad kedua.

- Dengan satu ibu jari pada liner dan satu lagi ibu jari pada pad, tanggalkan pad kedua daripada liner plastik



Pelajar

<p>7. Letakkan pad kedua.</p> <ul style="list-style-type: none"> Letakkan pad kedua seperti yang ditunjukkan dalam gambar <p>Nota: Setelah anda meletakkan pad pada dada individu tersebut, jika anda terus mendengar arahan “Periksa pad. Tekan pad dengan kuat pada kulit pesakit,” periksa bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pad diletakkan dengan betul seperti yang ditunjukkan dalam gambar Pad tidak bersentuhan dan sekurang-kurangnya berjarak 1 inci Keseluruhan permukaan setiap pad melekat pada kulit yang terdedah 	
<p>8. Ikuti arahan.</p>	
<p>9. Apabila selesai, tekan butang Hidup/Mati untuk mematikan HeartSine Trainer.</p>	

Senario latihan

Deskripsi senario latihan

Langkah	Senario latihan 1	Senario latihan 2	Senario latihan 3
Deskripsi senario latihan	Keadaan kejutan dinasihatkan diikuti dengan keadaan tiada kejutan dinasihatkan	Keadaan tiada kejutan dinasihatkan diikuti dengan keadaan kejutan dinasihatkan	Menganggap pad dilekatkan Setelah dianalisis, gesa untuk memeriksa pad Setelah pad diperiksa, keadaan kejutan dinasihatkan diikuti dengan keadaan tiada kejutan dinasihatkan
1	Mod penyediaan	Mod penyediaan	Mod pemantauan
2	Campur tangan pengajar	Campur tangan pengajar	Periksa pad
3	Mod pemantauan	Mod pemantauan	Campur tangan pengajar
4	Kejutan dinasihatkan	Tiada kejutan dinasihatkan	Mod pemantauan
5	Mod CPR	Mod CPR	Kejutan dinasihatkan
6	Mod pemantauan	Mod pemantauan	Mod CPR
7	Tiada kejutan dinasihatkan	Kejutan dinasihatkan	Mod pemantauan
8	Mod CPR	Mod CPR	Tiada kejutan dinasihatkan
9	Ulang langkah 6-8 sehingga HeartSine Trainer dimatikan	Ulang langkah 6-8 sehingga HeartSine Trainer dimatikan	Mod CPR
10	T/B	T/B	Ulang langkah 4 hingga 9 sehingga HeartSine Trainer dimatikan

Langkah	Senario latihan 4	Senario latihan 5	Senario latihan 6
Deskripsi senario latihan	Menganggap pad dilekatkan Dua keadaan kejutan dinasihatkan diikuti dengan keadaan tiada kejutan dinasihatkan	Keadaan kejutan dinasihatkan diikuti dengan keadaan tiada kejutan dinasihatkan Mod CPR menyeru pernafasan penyelamatan	Keadaan tiada kejutan dinasihatkan diikuti dengan keadaan kejutan dinasihatkan Mod CPR menyeru pernafasan penyelamatan
1	Mod pemantauan	Mod penyediaan	Mod penyediaan
2	Kejutan dinasihatkan	Campur tangan pengajar	Campur tangan pengajar
3	Mod CPR	Mod pemantauan	Mod pemantauan
4	Mod pemantauan	Kejutan dinasihatkan	Tiada kejutan dinasihatkan
5	Kejutan dinasihatkan	Mod CPR*	Mod CPR*
6	Mod CPR	Mod pemantauan	Mod pemantauan
7	Mod pemantauan	Tiada kejutan dinasihatkan	Kejutan dinasihatkan
8	Tiada kejutan dinasihatkan	Mod CPR*	Mod CPR*
9	Mod CPR	Ulang langkah 6-8 sehingga HeartSine Trainer dimatikan	Ulang langkah 6-8 sehingga HeartSine Trainer dimatikan
10	Ulang langkah 4 hingga 9 sehingga HeartSine Trainer dimatikan	T/B	T/B

* Mod CPR menyeru pernafasan penyelamatan dalam senario ini.

Deskripsi mod

Bagi setiap senario latihan, senarai arahan dan aktiviti yang diperlukan untuk setiap mod ada disediakan di sini:




Mod	Gesaan	Aktiviti
Periksa pad	<p>“Periksa pad.”</p> <p>“Tekan pad dengan kuat pada kulit pesakit.”</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar mengikuti arahan
CPR	<p>“Mulakan CPR.”</p> <p>“Selamat untuk menyentuh pesakit.”</p> <p>“Letakkan tangan bertindih di tengah dada.”</p> <p>“Tekan ke bawah terus pada dada pada masa yang sama dengan metronom.”</p> <p>“Bertenang.”</p> <p>Metronom</p> <p>“Mampatan bagus.” (SAM 500P)</p> <p>“Tekan lebih kuat.” (SAM 500P)</p> <p>“Tekan lebih laju.” (SAM 500P)</p> <p>“Tekan lebih perlahan.” (SAM 500P)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar melakukan mampatan • Apabila dinyatakan, pelajar melakukan mampatan, diikuti dengan pernafasan penyelamatan apabila nada metronom berubah daripada bip rendah kepada bunyi detik lebih kuat bagi tempoh selama sepuluh mampatan • Bagi SAM 500P, pengajar boleh menekan butang kawalan CPR Advisor untuk memberikan maklum balas kepada pelajar
Campur tangan pengajar	T/B	<ul style="list-style-type: none"> • Sebaik sahaja pelajar meletakkan pad, pengajar mesti menekan butang Pasang Pad Elektro
Pemantauan	<p>“Menaksir ritma jantung.”</p> <p>“Jangan sentuh pesakit.”</p> <p>“Menganalis, jangan sentuh pesakit.”</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar menjauhi pesakit

Mod	Gesaan	Aktiviti
Tiada kejutan dinasihatkan	<p>“Tiada kejutan dinasihatkan.”</p> <p>“Mulakan CPR.”</p> <p>“Selamat untuk menyentuh pesakit.”</p> <p>“Letakkan tangan bertindih di tengah dada.”</p> <p>“Tekan ke bawah terus pada dada pada masa yang sama dengan metronom.”</p> <p>“Bertenang.”</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar mengikuti arahan
Penyediaan	<p>“Pesakit dewasa.”</p> <p>“Hubungi bantuan perubatan.”</p> <p>“Tanggalkan pakaian daripada dada pesakit untuk mendedahkan kulit.”</p> <p>“Tarik tab hijau untuk menanggalkan pad.”</p> <p>“Tanggalkan pad daripada liner.”</p> <p>“Letakkan pad pada dada terdedah seperti yang ditunjukkan dalam gambar.”</p> <p>“Tekan pad dengan kuat pada kulit pesakit.”</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar mengikuti arahan
Kejutan dinasihatkan	<p>“Jauhi pesakit.”</p> <p>“Kejutan dinasihatkan.”</p> <p>“Jauhi pesakit.”</p> <p>“Tekan butang Kejutan Hingga sekarang.” (SAM 350P, SAM 500P)</p> <p>“Kejutan akan dihantar masuk 3, 2, 1.” (SAM 360P)</p> <p>“Kejutan diberikan.”</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar mengikuti arahan • Pelajar mestilah menekan butang Kejutan pada SAM 350P dan SAM 500P

Selenggara HeartSine Trainer anda



Elektrod

Putar semula elektrod selepas digunakan


<p>1. Lekatkan semula liner pelindung pada bahagian belakang setiap pad elektrod.</p>	
<p>2. Lipat pad bersama supaya liner berada di bahagian luar (imej menghadap ke dalam).</p>	
<p>3. Terbalikkan HeartSine Trainer untuk mencari tombol putar semula biru pada bahagian belakang Trainer-Pak.</p>	

4. Semasa memegang HeartSine Trainer dengan wayar pad yang tergantung, angkat dan putar tombol putar semula biru mengikut arah jam untuk menarik semula wayar.


Nota: Jika mekanisme putar semula tersekat, anda boleh mengakses mekanisme putar semula dengan memasukkan pemutar skru kepala rata ke dalam lubang (seperti yang ditunjukkan) dan tekan ke bawah untuk mengangkat penutup kuning



5. Dengan wayar di bawah pad, letakkan pad di atas kartrij Trainer-Pak dengan bahagian atas dan bawah disejajarkan dengan betul.







6. Luncurkan penutup bawah kartrij Trainer-Pak pada tempatnya.



Gantikan pad elektrod

